

Rencana Utama

Perbendaharaan Britain pula menjangkakan pelaburan Islam global bersedia untuk berkembang sebanyak £1.3 trilion (RM6.7 trilion) pada akhir tahun 2014. Hal ini turut mendorong United Kingdom menerbitkan sukuknya sendiri yang bernilai £200 juta (RM1043 juta) pada tahun 2014. Tambahan pula, kebanyakan bank British kini sudah aktif dalam pasaran sukuk dengan 49 sukuk tersenarai dalam Bursa Saham London yang bernilai AS\$34 bilion dalam tempoh lima tahun sejak tahun 2009.

Dalam perkembangan terbaru, pada Mac 2016, RAM Ratings mengekalkan prospek stabilnya bagi sektor perbankan Islam di Malaysia tahun ini, meskipun persekitaran ekonomi lebih mencabar dengan penurunan kualiti aset dan parameter pembiayaan. Agensi penarafan kredit itu dalam kenyataannya menyatakan bahawa sejajar dengan pandangannya bagi keseluruhan sistem perbankan domestik, mereka mengekalkan prospek stabil bagi 10 buah bank Islam dalam portfolio penarafannya daripada 16 buah dalam sistem yang menyumbang kepada hampir 90 peratus daripada set segmen ini.

Bank-bank Islam di Malaysia mempunyai portfolio pembiayaan yang lebih diberikan tumpuan berbanding dengan pesaing konvensional mereka.

Menurut RAM Ratings, kebanyakan bank Islam yang diberi penarafan oleh RAM di Malaysia berada dalam spektrum penarafan AAA hingga AA, dan secara majoritinya mendapat sokongan daripada kumpulan perbankan universal induk mereka atau pemegang saham. Pada tahun ini, agensi itu turut menjangkakan kualiti aset sektor perbankan Islam berdepan dengan landskap yang lebih mencabar berbanding sektor perbankan yang lebih meluas. Ketua Bersama Penarafan Institusi Kewangannya, Sophia Lee, turut memaklumkan, bank-bank Islam di Malaysia mempunyai portfolio pembiayaan yang lebih diberikan tumpuan berbanding dengan pesaing konvensional mereka.

Selain itu, syarat pembiayaan yang lebih ketat telah meningkatkan persaingan dalam kalangan bank Islam bagi mendapatkan deposit, manakala metrik permodalan kekal kukuh bagi sektor perbankan Islam pada tahun lalu. Ekuiti bersama peringkat pertama dan jumlah nisbah modal meningkat dengan masing-masing mencatatkan peningkatan kepada 12.2 peratus dan 15.9 peratus pada akhir Januari 2016, iaitu naik daripada 12 peratus dan 15.5 peratus yang dicatatkan pada tahun 2014. Cabaran yang dihadapi ekoran kekangan kualiti aset dan pembiayaan yang

lebih ketat mungkin memberikan kesan kepada keuntungan bank Islam di Malaysia pada tahun ini. Walau bagaimanapun, profil kredit mereka masih dapat ditingkatkan menerusi paras permodalan mereka yang selesa.

Setelah lebih daripada 29 tahun sistem perbankan Islam beroperasi di Malaysia, perkembangan yang berlaku terbukti memberangsangkan. Data terkini menunjukkan aset perbankan Islam di Malaysia sudah mencapai AS\$72.5 bilion (RM295 bilion) dengan purata perkembangan sebanyak 20 peratus setahun. Malahan sistem kewangan Islam yang mencakupi sektor perbankan, takaful, pasaran modal dan pasaran wang semakin berkembang di beberapa benua dan negara.

Pada tahun 2001, Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) dilancarkan bertujuan antaranya termasuklah untuk membentuk sistem kewangan Islam yang komprehensif dan mampan di negara ini. PISK membahagikan perancangannya kepada tiga fasa. Fasa pertama memperlihatkan pengukuhan infrastruktur dan instrumen kewangan dan perbankan Islam. Fasa kedua pula bermula apabila berlakunya keadaan persaingan antara institusi kewangan.

Fasa ketiga menjurus pada situasi pertembungan yang hebat antara institusi domestik dengan institusi antarabangsa, iaitu apabila keadaan integrasi persaingan dalam sektor kewangan dan perbankan dan sektor yang berkaitan akan terjadi. Pada ketika ini, Malaysia berada dalam fasa ketiga dan berjaya membentuk sistem kewangan Islam yang komprehensif dengan penubuhan sektor sokongan, seperti takaful, pasaran modal Islam dan pengurusan dana secara Islam.

Sehubungan dengan itu, pertumbuhan pesat dalam industri ini mendorong pengenalan kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang memperlihatkan Malaysia agak berbeza daripada pasaran kewangan Islam global yang lain kerana pengukuhan dan penguatkuasaan kawal selia industri yang lebih jelas dan sistematik. Malaysia dianggap sebagai satu daripada pusat rujukan utama dan berpotensi dinobatkan sebagai peneraju bagi fasa kemajuan industri perbankan dan kewangan Islam untuk tempoh yang seterusnya.

Liberalisasi sektor kewangan yang berlaku pula mewujudkan peluang bagi perkongsian antara bank Malaysia dan bank antarabangsa, khususnya. Perkembangan ini memungkinkan Malaysia menjadi pemacu utama bagi hubungan Timur dengan Timur, sekali gus menggalakkan perdagangan dan menambah saiz industri kewangan Islam global.



Perbankan dan Kewangan Islam Masih Stabil

DARI segi kapasiti pasaran global, kadar penembusan pasaran yang terbentang luas menunjukkan bahawa sistem perbankan dan kewangan Islam global mempunyai potensi yang begitu luas untuk terus berkembang maju dan perkara ini merupakan peluang bagi peserta industri memanfaatkan pelaburan secara besar-besaran. Perkembangan ini turut didorong oleh penerimaan yang baik terhadap produk kewangan dan perbankan Islam pada peringkat antarabangsa, khususnya dari negara maju, seperti United Kingdom dan Jepun.

Ketika dunia sedang berdepan dengan kemelesetan ekonomi, sistem perbankan dan kewangan Islam dilihat mampu menjadi instrumen ekonomi dan kewangan yang berkesan untuk mendepani kemelut tersebut. Sistem perbankan dan kewangan Islam lebih berdaya tahan dan berdaya saing bagi menangani inflasi, kemelesetan

ekonomi, kejatuhan nilai mata wang, kejatuhan pasaran modal, kejatuhan harga komoditi serta perdagangan antarabangsa yang melibatkan aktiviti eksport dan import. Sistem perbankan Islam bukan sahaja semakin popular dalam kalangan negara Islam, malahan sistem patuh syariah Islam ini turut didominasi oleh peserta industri di negara bukan Islam.

Pada Forum Antarabangsa Ekonomi Islam Dunia yang berlangsung pada tahun 2013, mantan Perdana Menteri United Kingdom, David Cameron, bahkan membuat pengumuman bahawa London adalah sebaris dengan Dubai sebagai pusat kewangan Islam yang hebat di dunia, di samping beliau menyatakan komitmen dunia dalam pembangunan kewangan dan perbankan Islam global. Menurut Cameron, pada ketika itu kewangan Islam berkembang pada kadar 50 peratus lebih pantas daripada perbankan konvensional.

Selain rangka kerja pengawalseliaan, sistem perbankan dan kewangan Islam di negara ini juga memerlukan peruntukan undang-undang yang lebih jelas, khususnya berhubung dengan urusan pendokumentasian urusan niaga kewangan Islam bagi memudahkan tindakan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian dalam urusan niaga transaksi produk kewangan dan perbankan yang berkaitan, mahupun kritikan dan ketidakpuasan hati pada pihak pengguna yang berhubung dengan risiko dan kerugian ketika berurusan dengan produk perbankan. Sejalan dengan itu pihak, Bank Negara Malaysia perlulah meningkatkan pengawalseliaan, khususnya mewujudkan rang undang-undang yang boleh memastikan produk perbankan tersebut memberikan faedah serta tidak memudaratkan pengguna.

Dalam pada itu, Malaysia yang mengamalkan pendekatan sistem dwiperbankan, melaksanakan sistem perbankan Islam dan masih membenarkan operasi sistem perbankan konvensional. Namun begitu, instrumen perbankan dan kewangan Islam tampil sebagai penyelesaian dan jalan keluar kepada umat Islam untuk mengatasi masalah riba dalam urusan kewangan dan perbankan.

Sistem kewangan dan perbankan Islam mampu menjadi lebih lengkap jika mata wang dinar, emas, dan perak digunakan secara lebih menyeluruh, khususnya oleh negara Islam. Banyak delegasi terutamanya dari negara Islam mengunjungi BNM dan Bank Islam Malaysia Berhad untuk mendalami cara sistem ini berfungsi. Indonesia mula mengikut langkah Malaysia melaksanakan sistem perbankan Islam sekitar dekad 1990-an. Formasi ini seterusnya menjadi model perbankan Islam bagi sebahagian negara Teluk, seperti Bahrain, Qatar dan Emiriyah Arab Bersatu.

Selepas itu, sistem kewangan Islam mencatatkan pertumbuhan yang pesat dengan aset 500 buah bank Islam utama di seluruh dunia melonjak sebanyak 28.6 peratus kepada AS\$822 bilion (RM3350 bilion). Yang lebih menarik, sistem kewangan Islam kurang terjejas oleh impak negatif daripada krisis ekonomi global kerana sistem ini tidak dibenarkan terlibat dalam pelbagai aktiviti yang telah menjadi faktor penyebab kepada krisis ekonomi seperti amalan riba dan spekulasi.

Terdapat pelbagai inisiatif yang lain yang berupaya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan kelangsungan sistem kewangan Islam. Kejayaan menghadapi krisis kewangan yang terkini membuka laluan sistem kewangan Islam berkembang dalam pasaran kewangan di Eropah dan Amerika Syarikat. Malah banyak lagi negara Islam dan bukan Islam



yang dijangkakan membenarkan institusi kewangan Islam beroperasi di negara mereka.

Pada masa ini, sudah lebih daripada 30 buah negara yang melaksanakan perbankan Islam termasuk di Eropah, Asia dan Afrika seperti United Kingdom, Afrika Selatan, Australia, Bahamas, Cyprus, Denmark, Switzerland, Liberia, Filipina, Guinea, India, Luxembourg dan Thailand. Perkembangan positif ini memberikan pilihan kepada orang ramai sama ada mahu menggunakan sistem perbankan konvensional atau perbankan Islam.

Oleh sebab unjuran pertumbuhannya yang memberangsangkan serta berterusan, sistem kewangan Islam berupaya mengatasi sistem kewangan konvensional dan perkembangan ini mendorong banyak negara untuk memberikan perhatian kepada sistem kewangan Islam yang dilihat lebih berdaya tahan. Menurut Standard & Poor's, kewangan Islam sekarang dianggarkan memiliki AS\$2.5 trilion (RM10 trilion) aset di bawah pengurusan dengan potensi untuk meningkat sehingga AS\$5 trilion (RM20 trilion) pada akhir dekad ini.

Hal ini turut disokong oleh Laporan Kestabilan Tabung Kewangan Antarabangsa dan Industri Perkhidmatan Kewangan Islam 2015, yang mengesahkan bahawa kewangan Islam sudah mencapai kategori kepentingan sistematik di 12 buah negara di dunia, dengan sektor ini memiliki 15 peratus penguasaan pasaran dalam pasaran perbankan secara keseluruhannya. Dengan hal yang demikian, jumlah negara yang dijangkakan terlibat dalam sistem kewangan Islam akan berganda dalam beberapa tahun akan datang. ●

Bank Islam Malaysia Berhad sedang dirujuk oleh institusi perbankan luar negara yang berminat untuk melaksanakan perbankan Islam.

Terdapat pelbagai inisiatif yang lain yang berupaya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan kelangsungan sistem kewangan Islam.